

Razaleigh yakin perubahan kepim

UM 17 JAN 2003

KOTA BHARU 16 Jan. — Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah yakin perubahan kepimpinan di peringkat Badan Perhubungan UMNO negeri ini akan memperkukuhkan parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, langkah pucuk pimpinan melakukan perubahan berkenaan juga bertujuan mengukuh kedudukan UMNO Kelantan yang

mahu merampas pemerintahan kerajaan negeri daripada Pas.

“Kita berharap ahli-ahli UMNO akan menerima keputusan yang dibuat hari ini dan kita berharap mereka yang dapat jawatan baru ini akan cuba memainkan peranan secara bekerjasama dan berkesan,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri perjumpaan parti

dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa dekat sini hari ini.

Razaleigh diminta mengulas pengumuman Dr. Mahathir hari ini yang melantik Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan bagi menggantikan Datuk Annuar Musa.

Selain itu, Dr. Mahathir

bersetuju dengan keputusan Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed untuk meletakkan tiga muka baru bagi memegang jawatan sebagai Setiausaha Perhubungan, Ketua Pengerangan dan Bendahari.

Menurut Razaleigh, beliau menerima keputusan yang dibuat dan percaya ia bertujuan tidak lain daripada mahu membawa perubahan kepada parti.

Ditanya dakwaan baha-

pinan perkukuhkan parti

wa UMNO Kelantan sentiasa berpuak-puak, beliau berharap kesedaran akan timbul di kalangan ahli UMNO kerana perjuangan mereka adalah untuk menghasilkan cita-cita perjuangan parti itu sendiri.

“Perubahan ini hanya akan mendatangkan kesan jika semua ahli menerima keputusan yang dibuat dan mereka yang memegang jawatan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan ikhlas,” katanya.

Sementara itu, Ketua Wanita UMNO Kelantan, Datin Seri Kelana Nik Azizah Nik Yahya berkata, perubahan itu adalah wajar untuk memantapkan lagi kedudukan kepimpinan UMNO dan juga parti di negeri ini.

Beliau berkata, dalam hal ini Wanita UMNO tidak mempunyai masalah dan sentiasa memberi ke-sefahaman yang tinggi bagi memastikan perpaduan parti dikekalkan.

“Perubahan ini diharapkan akan memantapkan kedudukan UMNO. Oleh kerana ia atas keputusan pimpinan, maka Wanita sentiasa patuh atas arahan yang diberikan pucuk pimpinan,” katanya.

Justeru beliau berharap ketua Wanita bahagian insaf akan perkara ini dan memberi kesedaran kepada ahli di semua peringkat bahawa UMNO mesti bersatu untuk mencapai kejayaan di masa akan datang.